

# Pembangunan ekonomi negara OIC penting diberi penekanan

ISLAMABAD 6 Nov. - Pembangunan ekonomi di kalangan negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) akan menjadi perkara penting yang bakal diberi penekanan pada masa akan datang, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Pengerusi OIC berkata, rancangan-rancangan pembangunan ekonomi yang akan dilaksanakan itu mempunyai hubung kait dengan objektif penubuhan OIC iaitu untuk membangun dan membela kepentingan umat Islam dan negara anggota.

OIC juga telah meluluskan satu pelan induk mengenai perkhidmatan perbankan dan kewangan bagi tujuan itu," katanya

kepada wartawan Malaysia di sini hari ini pada hari terakhir lawatan rasmi tiga harinya ke Pakistan.

Turut serta dalam lawatan rasmi itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Mohd Zin dan Menteri Industri Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui.

Ditanya mengenai pertemuannya dengan Presiden Pakistan, Pervez Musharraf hari ini, Abdullah berkata, Musharraf telah menyatakan rasa gembiranya mengenai

perbincangan dua hala antara beliau dan rakan sejawatannya, Shaukat Aziz serta beberapa persetujuan yang dicapai antara kedua negara berhubung soal kerjasama ekonomi.

"Musharraf telah menyatakan kepada saya bahawa beliau berharap apa juga langkah yang akan diambil kelak akan membawa kebaikan kepada kedua buah negara," jelasnya.

Abdullah berkata, Bank Pembangunan Islam (IDB) juga akan memainkan peranan lebih berkesan untuk kepentingan ekonomi negara OIC.

Perdana Menteri menjelaskan, IDB yang mempunyai hubung kait dengan per-

tubuhan itu akan membantu projek-projek yang bakal dilaksanakan oleh OIC.

"Kini pun sudah ada usaha untuk memperkasakan IDB supaya projek-projek yang dilaksanakan dibawah rancangan pembangunan keupayaan melibatkan beberapa buah negara OIC," katanya.

Abdullah berkata, peranan IDB boleh dilihat sebagai pemangkin kepada pembangunan projek-projek ekonomi di negara-negara anggota kerana bank itu mempunyai peruntukan yang boleh digunakan bagi membantu syarikat-syarikat yang terlibat dalam rancangan pembangunan ekonomi dengan negara-negara Islam.

**-Utusan**